

08/05/2000

Sentimen agama sukar bebaskan tebusan: PM

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Ahad - Tindakan media asing mengembar-gemburkan sentimen keagamaan boleh menyukarkan lagi usaha pihak berkuasa membebaskan 21 orang yang diculik oleh kumpulan bersenjata di selatan Filipina.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, sekiranya media asing membuat sebarang cubaan menonjolkan sentimen seumpama itu dalam laporan mereka, ia akan melembabkan sebarang usaha pihak berkuasa Filipina.

"Ia (menggunakan sentimen agama) akan mencetuskan masalah kepada semua orang...ia akan menggusarkan kumpulan yang bertanggungjawab dan orang akan berasa terdesak lantas kemungkinan mereka berpatah balik dan melawan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri upacara Larian Piala Thomas/Uber Kuala Lumpur 2000 di Dataran Merdeka di sini, hari ini.

Dr Mahathir ditanya sama ada cubaan media asing menonjolkan sentimen agama dalam laporan mereka akan melembabkan usaha menyelamatkan mangsa, termasuk sembilan rakyat Malaysia.

Semalam, stesen televisyen tempatan menyiarkan gambar yang diambil oleh media asing menunjukkan temu bual dengan seorang datuk bandar, paderi dan anggota keluarga seorang askar Filipina yang mati dalam pertempuran dengan kumpulan yang bertanggungjawab melakukan penculikan itu.

Ketika temu bual itu, mereka dipetik sebagai berkata, jika apa-apa berlaku kepada mangsa, masyarakat Islam di Mindanao harus dipertanggungjawabkan dan kumpulan bersenjata berkenaan patut dihapuskan.

Sembilan rakyat Malaysia dan 12 warga asing itu diculik oleh enam lelaki bersenjata di Pulau Sipadan pada 23 April dan kini mereka ditahan di sebuah tempat persembunyian kumpulan pemisah Abu Sayyaf di Pulau Jolo di selatan Filipina.

Rakyat asing itu terdiri daripada tiga warga Jerman, dua rakyat Afrika Selatan, dua Finland, dua Perancis, dua Filipina dan seorang warga Lubnan.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, memang sudah dijangkakan bahawa media asing akan membangkitkan sentimen-sentimen seumpama itu.

Katanya, media asing tidak bersikap bertanggungjawab dan tidak memikirkan mengenai keselamatan mangsa dalam menjalankan tugas mereka.

"Ini adalah sesuatu yang memenuhi agenda mereka bagi rantau ini dan Malaysia khususnya serta umat Islam amnya," katanya.

Perdana Menteri berkata, media tempatan dan asing perlu memainkan fungsi positif dengan memastikan laporan mereka mengambil kira keselamatan mangsa.

Katanya, mereka hendaklah mengelak daripada membuat sebarang laporan yang boleh mengancam usaha membebaskan mangsa penculikan itu.

(END)